

KERATAN AKHBAR DISEMBER 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	UPSI BUKAN KESINAMBUNGAN SITC, MPSI, IPSI	UTUSAN MALAYSIA MS 19	08-Dec-22	KPT
2	UMT PERGIAT TINGKATKAN USAHA PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK	BERITA HARIAN MS 25	11-Dec-22	KPT
3	FORENSIK DIGITAL JEJAK JENAYAH SIBER	SINAR HARIAN MS 26	12-Dec-22	RENCANA
4	4000 KOLEKSI NADIR DI UPSI	UTUSAN MALAYSIA MS 19	13/12/2022	KPT
5	1601 GRADUAN UMT DIRAIKAN DALAM MAJLIS KONVOKESYEN	UTUSAN MALAYSIA MS 39	13-Dec-22	KPT
6	URUS SISA MAKAN, MINYAK DENGAN BIJAK	SINAR HARIAN MS 07	14-Dec-22	RENCANA
7	PENDIDIKAN TINGGI MODEN GAGAL TERAP INTEGRITI	BERITA HARIAN MS 09	16-Dec-22	KPT
8	SEKTOR AWAM PERLU BERJIMAT BAGI BERDEPAN KRISIS EKONOMI TAHUN HADAPAN	UTUSAN MALAYSIA MS 19	19-Dec-22	SEMASA
9	MANFAAT MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA	SINAR HARIAN MS 21	21-Dec-22	RENCANA
10	AKHLAK MULIA JAMBATAN KE SYURGA	HARIAN METRO MS 15	24-Dec-22	AGAMA
11	'RAKYAT MALAYSIA TIDAK MALAS MEMBACA'	BERITA HARIAN MS 36	25-Dec-22	RENCANA

PERSPEKTIF SASTERA

'Rakyat Malaysia tidak malas membaca'

Prasangka wujudkan persepsi tidak tepat terhadap tabiat membaca orang Malaysia

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tidak tepat untuk mengatakan rakyat Malaysia malas membaca. Malah untuk mengungkapkan rakyat Malaysia hanya membaca satu atau dua buku setahun juga agak janggal.

Hal ini berdasarkan sambutan dan minat rakyat Malaysia terhadap buku sangat besar. Misalnya, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, jualan buku dalam talian naik mendadak.

Apabila PKP berakhir, kita dapat melihat sendiri sambutan hangat kepada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang mencecah 1.3 juta pengunjung sepanjang 10 hari penganjurannya, manakala Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) pula memikat 250,000.

Bagi Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MKBK), Mohd Khair Ngadiron semua itu adalah indikator rakyat Malaysia suka membaca.

"Ada yang mengatakan rakyat Malaysia ini suka membeli buku tetapi tidak membacanya.

"Tapi bagi saya minat terhadap buku itu boleh mendorong mereka untuk membaca. Jika tidak beli bagaimana mereka mahu membaca?"

"Andai kata buku yang dibeli disimpan di rak, jika pembeli tidak membacanya ahli keluarga mereka boleh membaca buku itu. Malah menerusi pembelian itu minat membaca boleh dikembangkan. Perkara yang paling penting minat terhadap buku itu perlu ada dahulu sebelum membeli atau membaca buku," katanya.

Ada penggemar

Malah kata Mohd Khair berdasarkan kejayaan PBAKL dan SIBF, rakyat di negara ini masih lagi suka membaca buku fizikal.

"Ada dakwaan buku fizikal semakin dilupakan. Kalau terbit pun jualan tidak mencapai tahap memuaskan dan menyebabkan rangkaian kedai buku yang terkemuka banyak ditutup di seluruh negara.

"Sebenarnya, buku fizikal ada peminat tersendiri. Di Malaysia kita mempunyai lebih daripada 30 juta

penduduk, tidak dinafikan golongan muda lebih selesa menggunakan gajet seperti telefon pintar, tetapi gajet ada kekangan tersendiri menjadikan buku fizikal tetap ada penggemarnya," katanya.

Hal ini katanya memberi petunjuk jelas masih ada ruang luas untuk mengembangkan lagi industri buku tempatan. Namun ia perlu dimulakan dengan mendapat kerjasama dengan agensi berkaitan juga Perpustakaan Negara Malaysia untuk mewujudkan sinergi bersama.

"Tapi langkah pertama untuk itu ialah kita perlukan data yang betul. Kita akan buat kajian mengenai industri buku dan usaha untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan rakyat.

"Kita tidak mahu menggunakan data sangkaan yang tidak betul, misalnya rakyat Malaysia membaca satu atau dua buku sahaja setahun, tetapi ada individu yang membaca sehingga sekurang-kurangnya berbelas-belas naskhah buku dalam masa setahun," katanya.

Data lama

Tegas Mohd Khair, data yang kurang tepat mewujudkan persepsi yang tidak baik misalnya kedai buku kononnya ditutup kerana rakyat tidak suka membaca.

Sedangkan kedai buku 'indie' bersaiz kecil dan diusahakan anak muda kekal mendapat sambutan hangat. Malah pemain industri daripada luar negara turut membuka cawa-

ngan kedai buku mereka di Malaysia antara yang terbaharu Tsutaya Books di Bukit Jalil.

Justeru katanya, beliau sangat yakin dengan kemampuan industri buku. Malah, pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 katanya memberi harapan besar kepada penggemar buku kerana keperibadian Anwar sebagai pembaca tegar.

"Daripada percakapan sahaja kita sudah tahu Perdana Menteri ini adalah seorang yang gemar membaca.

"Baru-baru ini dalam Parlimen beliau memetik kata-kata William Shakespeare. Saya menjangkakan ada rangsangan yang baik selepas ini untuk industri buku," katanya.

Tegas Mohd Khair, besar harapannya pada 2023, pendemokrasian buku akan diperkukuhkan.

"Saya mahukan usaha bersungguh-sungguh untuk memastikan generasi muda terutamanya pelajar sekolah dapat bahan bacaan terkini.

"Akses itu harus sampai ke lokasi terpencil seperti Gua Musang dan mereka

perlu dapat capaian kepada buku yang sama seperti pelajar di Subang Jaya atau Petaling Jaya.

"Buku ini adalah sumber ilmu. Jadi saya fikir kena ada peruntukan daripada kerajaan untuk memastikan semua generasi di seluruh pelosok tanah air mendapat bahan bacaan yang selayaknya. Jika mereka berjaya melakukan perkara ini, tiada keciciran dari sudut ilmu yang akan berlaku," katanya.

Tambahnya, pembentukan masyarakat berilmu hanya akan dapat diwujudkan menerusi membaca. Justeru untuk membina bangsa dan negara ke tahap yang lebih tinggi minat membaca itu perlu disemarakkan lagi.

Tidak dinafikan golongan muda lebih selesa menggunakan gajet seperti telefon pintar, tetapi gajet ada kekangan tersendiri menjadikan buku fizikal tetap ada penggemarnya"

Mohd Khair Ngadiron

PBAKL 2022 mendapat sambutan hangat peminat buku fizikal di Malaysia.



Manfaat minyak sawit mampan Malaysia

Malaysia terkenal sebagai salah satu negara pengeluar utama minyak sawit dalam pasaran dunia. Industri minyak sawit tempatan telah menjana kelangsungan ekonomi buat lebih 450,000 pekebun kecil dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta pendidikan bagi anak-anak peneroka.

Di samping itu, minyak sawit mempunyai banyak kebaikan dan manfaat kepada penggunaanya.

Kelebihan minyak sawit dari sudut kesihatan telah dibuktikan melalui penyelidikan saintifik.

Malah, hasil kajian telah

membuktikan yang minyak sawit memiliki manfaat kesihatan seperti bebas lemak trans (*trans fat*) dan bebas kolesterol. Daripada segi kandungan vitamin, minyak sawit juga kaya dengan vitamin E tokotrienol yang berupaya membantu melindungi jantung dan sel-sel saraf.

Selain itu, minyak sawit sangat sesuai digunakan untuk menggoreng kerana ia amat stabil pada suhu tinggi, selain untuk menumis atau membuat kek dan roti. Malah, kajian saintifik yang diterbitkan menunjukkan bahawa minyak sawit selamat digunakan untuk menggoreng.

Minyak sawit merah pula terhasil setelah minyak sawit mentah melalui proses penapisan khas yang mengekalkan provitamin A karotenoid yang tinggi sekali gus warna asli jingga kemerahan.


Provitamin A karotenoid akan ditukarkan kepada vitamin A dalam badan apabila diperlukan. Oleh sebab inilah, minyak sawit merah digunakan di beberapa negara untuk menangani masalah kekurangan vitamin A. Kekurangan vitamin A boleh mengakibatkan masalah penglihatan, seperti rabun malam dan katarak.

Minyak sawit memiliki manfaat kesihatan seperti bebas lemak trans (*trans fat*) dan bebas kolesterol. Daripada segi kandungan vitamin, minyak sawit juga kaya dengan vitamin E tokotrienol yang berupaya membantu melindungi jantung dan sel-sel saraf.



Industri minyak sawit tempatan telah menjana kelangsungan ekonomi buat lebih 450,000 pekebun kecil.

Kajian saintifik yang diterbitkan menunjukkan bahawa minyak sawit selamat digunakan untuk menggoreng.



Kewujudan pelbagai manfaat minyak sawit telah mendorong penanaman pokok sawit secara tersusun dan besar-besaran di Malaysia. Untuk menjamin kelangsungan dan kemampanan industri sawit negara, Malaysia telah menjadi negara pertama di dunia yang mengeluarkan dan mengeksport minyak sawit mampan, (*Certified Sustainable Palm Oil* atau CSPO), pada tahun 2008.

Usaha murni tersebut kemudiannya dipertingkatkan pada 2020 melalui pelaksanaan wajib Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil* atau MSPO).

Sehingga tahun 2022, 98 peratus kawasan ladang sawit di Malaysia telah menerima pensijilan MSPO.

Cabaran kini dan masa depan sektor minyak sawit negara tertumpu kepada perubahan iklim, isu penyahutan dan buruh. Skim Pensijilan MSPO diperkenalkan dengan matlamat untuk memastikan perladangan dan pemprosesan minyak sawit diurus selaras dengan amalan pertanian terbaik.

Kemampanan industri sawit negara perlu dijamin agar generasi masa depan juga boleh menikmati manfaat kebaikan minyak sawit dan impak positif sosioekonominya.

Urus sisa makan, minyak dengan bijak

Jangan ambil mudah pembuangan bahan LMG ke singki atau longkang



PERNAHKAH kita terfikir kesan amalan seharian kita terhadap alam sekitar? Mungkin ada yang menganggap perbuatan kita setiap hari di rumah adalah sesuatu yang remeh atau tidak penting, namun hakikatnya ia mungkin boleh memberi kesan besar kepada persekitaran kita.

Contoh paling mudah yang dapat dilihat adalah berkaitan tabiat atau kebiasaan kita di dapur apabila ramai yang membuang lemak, minyak dan gris (LMG).

LMG juga dikenali *Fat, Oil & Grease* (FOG) adalah air kumbahan bukan najis atau *grey water* yang terhasil daripada kegiatan memasak seperti sisa makanan, lemak daging, lemak binatang, minyak masak, mentega, marjerin, sos, kuah, makanan bergoreng, keju dan sebagainya.

Kita membuang sisa LMG sama ada secara sengaja atau tidak sengaja ke singki yang mengalir masuk ke paip sanitari seterusnya memasuki paip pembetungan atau ada yang menyalurkan terus ke longkang. Sisa buangan LMG ini merupakan antara cabaran utama bagi sistem pembetungan di Malaysia.

Bagi kita di rumah, amalan baik yang perlu dilakukan ialah mengasingkan LMG dan tidak terus membuangnya ke dalam singki. Pengasingan perlu dilakukan dengan meletakkan sisa LMG ini ke dalam bekas berasingan dan dikumpulkan sebelum dibuang dengan cara yang betul. Minyak masak atau lebih lemak jika dibuang terus ke dalam singki akan menyebabkan saluran kumbahan tersumbat kerana lebih minyak dan lemak itu akan mengeras dan akan menyumbang kepada masalah sanitasi dan paip pembetungan tersumbat.

Bagi memastikan perkara ini tidak berlaku, amalan pelupusan yang betul haruslah dilakukan setiap



Sisa minyak dan lemak yang terkumpul di dalam lurang kumbahan.

masa. Kita boleh mencontohi budaya masyarakat negara Jepun yang membersihkan sisa minyak dengan menggunakan kain atau tisu.

Mereka mengasingkan dahulu sisa tersebut sebelum dilupuskan. Amalan sebegini boleh menjadikan longkang, parit dan sungai bersih serta tidak berbau, malah dapat mengurangkan bebanan loji rawatan kumbahan dalam merawat sisa LMG.

Bagi air kumbahan bukan najis yang berpunca daripada restoran atau industri, pengusaha di premis berkenaan hendaklah memasang sistem perangkap minyak atau *grease interceptor* yang betul.

Perangkap minyak ini pula perlu diselenggarakan secara berkala oleh pemilik perniagaan makanan dan mendapatkan perkhidmatan menyedut atau membersihkan FOG yang terkumpul dalam sistem perangkap masing-masing.

Bahan LMG akan mengeras

Pengurusan LMG yang baik dapat menyingkirkan risiko pengaliran LMG ke perairan atau paip pembetungan, sekali gus dapat memelihara kelestarian alam sekitar.

Menurut Ketua Unit Perniagaan Nyahenap Cemar Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, Pauzi Mohamed, apa yang kerap berlaku adalah sikap sesetengah pihak yang mengambil jalan mudah atau tidak endah dengan kepentingan dan keperluan untuk menyelenggara sistem perangkap minyak ini.

"Apabila LMG mengalir atau memasuki ke dalam paip pembetungan, lama kelamaan ia akan mengeras seperti batu dan seterusnya akan menyekat aliran air sisa kumbahan."

"Apabila ini berlaku, pastinya keadaan ini akan menyusahkan orang ramai kerana jika lurang

pembetulan tersekat, air kumbahan akan melimpah sehingga menyebabkan kacau ganggu dan mencemarkan alam sekitar kita," kata Pauzi.

Menurutnya, pengusaha premis makanan tidak hanya sekadar memasang perangkap minyak, tetapi mereka hendaklah menjalankan tanggungjawab untuk menyelenggara dengan membersihkan dan mengosongkan sisa LMG itu secara berjadual.

Ujarnya, mungkin masih ramai yang tidak sedar bahawa IWK ada menyediakan perkhidmatan pembersihan dan pengosongan sisa LMG.

"IWK sentiasa memastikan sisa LMG ini dirawat, diproses dan dilupuskan dengan kaedah yang lebih selamat," katanya.

LMG telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyebabkan paip pembetungan tersumbat dan pencemaran air.

LMG adalah sisa yang mampu mengakibatkan paip pembetungan tersumbat dan menyebabkan air sisa melimpah keluar ke permukaan tanah, ke dalam bangunan, perairan dan sungai.

Sebagai syarikat pembetungan nasional yang mementingkan kelestarian alam sekitar, IWK sentiasa memastikan air kumbahan diproses dengan cara betul dan menepati piawaian ditetapkan pihak berkuasa.

Bagi pemilik premis makanan yang ingin mendapatkan perkhidmatan pengosongan sisa LMG daripada IWK, boleh hubungi pejabat operasi IWK atau layari laman sesawang www.iwk.com.my.



Bongkah seperti batu ini adalah sisa lemak dan minyak yang telah mengeras.



Apabila LMG mengalir atau memasuki ke dalam paip pembetungan, lama kelamaan ia akan mengeras seperti batu dan seterusnya akan menyekat aliran air sisa kumbahan."

Forensik digital jejak jenayah siber

Teknologi canggih dedah kepada jenayah sistem komputer

Perkembangan teknologi terkini mendedahkan organisasi mahupun khalayak umum kepada jenayah siber.

Begitupun, sama seperti kehidupan manusia, mereka yang menggunakan peranti elektronik tidak terkecuali dalam meninggalkan pelbagai kesan sehingga boleh dijejaki pihak berkuasa.

Kesan-kesan maya dan digital berkenaan boleh didapati melalui aktiviti log, metadata, cebisan fail-fail, cap masa serta banyak lagi.

Justeru, forensik digital yang merupakan sains baharu dapat memainkan peranan penting dalam menyelesaikan pelbagai kes melibatkan jenayah siber.

Ketua Seksyen Keselamatan Siber, Institut Teknologi Maklumat Malaysia (MIT), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Dr Shafiza Mohd Shariff berkata, pada masa kini kepentingan forensik digital adalah untuk mengenal pasti jenayah sistem komputer.

Jelasnya, ia melibatkan dapatan bukti daripada media digital seperti komputer, telefon mudah alih ataupun rangkaian.

"Pakar-pakar forensik akan menganalisis, memeriksa, mengenal pasti dan memelihara bukti digital serta menggunakannya untuk membantu penyiasatan jenayah berkaitan teknologi.

"Bidang forensik digital juga dapat



DR SHAFIZA



membantu menentukan apabila 'serangan' berlaku, kerosakan dihadapi dan siapa bertanggungjawab dalam serangan siber atau fail tersulit oleh perisian tebusan (*ransomware*)," katanya.

Beliau memberitahu, ia berikutan forensik digital merupakan proses menganalisis bukti digital untuk mengetahui tentang sesuatu senario aktiviti digital.

Katanya, forensik digital sebagai pengumpulan dan penjagaan bukti transaksi sistem komputer.

"Sebagai contoh, dari mana dan ke mana aktiviti digital tersebut serta waktu

transaksi berlaku," katanya.

Peranan forensik digital

Beliau menambah, terdapat beberapa skop tugas forensik digital termasuk mengumpul data atau memulihkan semula maklumat yang hilang.

Dr Shafiza menjelaskan, bidang tersebut juga memainkan peranan dalam menyemak bukti digital seperti mengenal pasti penyiasatan yang bersesuaian untuk analisis.

"Selain itu, mereka yang berkecimpung dalam bidang ini akan mengumpul dan memelihara bukti

mengikut piawaian undang-undang.

"Jika tidak menepati piawaian tersebut, ia sama sekali tidak boleh digunakan di mahkamah sebagai bukti," ujarinya.

Beliau berkata, mereka juga perlu meneliti bukti metadata seperti tarikh pembuatan dan pengubahsuaian fail, memeriksa jenis-jenis fail serta struktur direktori sistem komputer.

Jelasnya, bidang forensik digital lebih merujuk kepada jenis sistem komputer, peranti-peranti dan teknologi.

Untuk itu, Dr Shafiza berkongsi beberapa sub-kategori bidang forensik digital bersama pembaca *Sinar Bestari*.




Forensik cakera (disk forensics)

Forensik cakera merupakan kaedah mengekstrak maklumat forensik daripada media storan digital seperti cakera keras (*hard disk*), peranti USB, peranti Firewire, cakera padat (CD), cakera padat digital (DVD), pemacu kilat, cakera liut dan lain-lain lagi.

Forensik rangkaian (network forensics)

Forensik rangkaian merupakan pendekatan sains dalam pemeriksaan rangkaian dan trafik merentasi rangkaian disyaki terlibat dalam aktiviti berniat jahat.

Selain itu, ia juga adalah untuk menemukan dan mendapatkan maklumat bukti dalam persekitaran rangkaian tentang jenayah mengikut piawaian undang-undang, sekiranya boleh diterima di mahkamah.



Forensik tanpa wayar (wireless forensics)



Matlamat utama forensik tanpa wayar adalah menyediakan metodologi dan alat diperlukan untuk mengumpul serta menganalisis trafik rangkaian tanpa wayar yang boleh dikemukakan sebagai bukti digital sah di mahkamah undang-undang.

Forensik pangkalan data (database forensics)

Forensik pangkalan data merupakan penggunaan data elektronik yang disimpan dalam pangkalan data untuk membina semula petunjuk, mengesan jenayah dan menyelesaikan pemecahan kes.

Forensik perisian hasad (malware forensics)

Forensik perisian hasad menjadi semakin penting apabila komuniti jenayah siber menggunakan




pendekatan menerusi perisian hasad seperti Trojan, cecacing dan botnet serta lain-lain.

- Dengan penggunaan perisian hasad itu, ia boleh mengakibatkan kemusnahan kepada institusi peruncitan, teknologi dan kewangan, malah negara.

Forensik memori (memory forensics)

- Forensik memori merupakan analisis data yang tidak menentu dalam tempat pembuangan memori komputer.
- Golongan pakar forensik digital akan menjalankan pemeriksaan dan mengenal pasti serangan atau tingkah laku berniat jahat tidak meninggalkan jejak yang mudah dikesan pada data cakera keras.



Forensik emel (e-mail forensics)

- Ia melibatkan analisis berhubung kandungan emel untuk menentukan kesahihan, sumber, tarikh, masa, pengirim sebenar dan penerima.
- Pendekatan tersebut digunakan untuk menyediakan bukti digital yang boleh diterima apabila digunakan di mahkamah kelak.



MENJAGA KEPERIBADIAN

AKHLAK MULIA
JAMBATAN KE SYURGABersama
Mohd Shahrizal
Nasir

Terdapat individu yang menzahirkan kelakuan tidak baik tatkala menggunakan media sosial sehingga meruntuhkan hubungan baik sesama manusia

Manusia adalah makhluk Allah SWT yang diciptakan dengan keperluan untuk berurusan dengan orang lain dalam mengurus kehidupan seharian. Setiap hari kita pasti akan berurusan dengan orang lain. Tidak ada insan yang hidup bersendirian dalam dunia ini. Islam amat mementingkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT dan pada masa yang sama turut menitikberatkan hubungan manusia sesama manusia.

Rasulullah SAW menjelaskan kepentingan memiliki akhlak yang mulia menerusi sebuah hadis yang maksudnya: "Bertakwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada, iringilah keburukan dengan kebaikan yang dapat menghapusnya dan berurusanlah sesama manusia dengan akhlak yang baik." (Hadis Riwayat at-Tirmidzi)

Mutakhir ini, manusia giat memanfaatkan gajet canggih dan komunikasi maya. Seolah-olah tidak sah kehidupan seharian tanpa berinteraksi dengan telefon pintar masing-masing. Akhirnya ada dalam kalangan manusia yang gagal mengawal akhlak dalam diri sendiri. Terdapat individu yang menzahirkan kelakuan tidak baik tatkala menggunakan media sosial sehingga meruntuhkan hubungan baik sesama manusia.

Allah SWT menjelaskan perihal kepentingan akhlak dalam diri manusia, termasuk pada diri Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: "Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia." (Surah al-Qalam ayat 4)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Tidak ada sesuatu yang lebih berat bagi timbangan seorang Mukmin pada hari kiamat daripada akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah tidak menyukai kekejian, bahawasanya orang yang berakhlak mulia akan mencapai martabat orang berpuasa dan bersembahyang." (Hadis Riwayat Ahmad)

Selain itu, terdapat sabda Rasulullah SAW yang mafhumnya: "Sesungguhnya yang paling baik di antara kalian ialah orang yang paling baik akhlaknya." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Semua dalil jelas ini menunjukkan kepentingan memiliki budi pekerti mulia bagi mencerminkan ketinggian agama Islam yang mementingkan akhlak. Tidak ada sesiapa yang boleh menafikan bahawa Islam amat mementingkan akhlak sebagai satu daripada tunjang agama selain daripada aspek akidah dan ibadah.

Aspek akhlak bukan satu perkara yang boleh dipandang remeh hanya kerana perbincangan mengenainya dibuat selepas akidah dan ibadah. Bukti yang jelas boleh dilihat apabila pelaksanaan Rukun Islam berkait rapat dengan akhlak.

Contohnya ibadah solat fardu lima-waktu yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim. Allah SWT menjelaskan bahawa pelaksanaan ibadah solat mempunyai tujuan yang dapat mencegah diri daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Firman Allah SWT bermaksud: "Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu daripada al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar..." (Surah al-Ankabut ayat 45)

Begitu juga dengan ibadah puasa yang saban tahun ditunaikan pada Ramadan. Dalam pelaksanaan ibadah puasa, Islam turut menegaskan keperluan memelihara akhlak sehingga mutu puasa boleh terjejas sekiranya seseorang gagal mengawal diri dengan melakukan perbuatan yang buruk.

Seseorang yang berpuasa tidak dibenarkan sama sekali mengucapkan kata-kata yang buruk lebih-lebih lagi apabila melibatkan orang lain. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Sesiapa yang tidak meninggalkan



Tidak ada sesuatu yang lebih berat bagi timbangan seorang Mukmin pada hari kiamat daripada akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah tidak menyukai kekejian, bahawasanya orang yang berakhlak mulia akan mencapai martabat orang berpuasa dan bersembahyang"

Hadis Riwayat Ahmad



ucapan dan perbuatan yang buruk maka tidak ada erti bagi Allah perbuatan orang itu yang meninggalkan makanan dan minumannya (berpuasa)." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Ibadah zakat juga mempunyai kaitan dengan akhlak manusia. Harta yang dikeluarkan oleh orang berkemampuan dan diberikan kepada golongan yang memerlukan adalah satu bentuk usaha menyerlahkan akhlak mulia dalam diri umat Islam. Ibadah zakat mampu menyuburkan sifat kasih sayang dan belas ihsan sesama manusia. Akhirnya golongan yang kaya terus menyayangi golongan yang serba kekurangan manakala golongan yang serba kekurangan pula tidak sama sekali berasa iri hati dengan kekayaan orang lain.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang maksudnya: "Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Surah at-Taubah ayat 103)

Selain itu, ibadah haji yang turut termasuk dalam Rukun Islam amat mementingkan elemen akhlak dalam pelaksanaannya. Setiap orang yang menunaikan haji menginginkan amalannya diterima oleh Allah SWT. Maka untuk mencapai hasrat itu mereka perlu memelihara akhlak agar dapat memastikan ibadah haji diterima oleh-Nya.

Setiap jemaah haji dilarang melakukan maksiat dan bertengkar sesama jemaah haji

yang lain. Meskipun ibadah haji menggariskan amalan yang dapat mendekatkan diri secara langsung kepada Allah SWT, jemaah haji tidak boleh mengabaikan keperluan menjaga hubungan baik sesama manusia.

Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud: "(Masa untuk mengerjakan ibadah) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadah haji itu maka tidak boleh mencampuri isteri dan tidak boleh membuat maksiat serta tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadah haji..." (Surah al-Baqarah ayat 197)

Sebagai orang Islam, kita berharap agar dapat mengecapi nikmat syurga di akhirat nanti. Harapan ini memerlukan usaha yang kuat dengan menjadikan ajaran termaktub dalam al-Quran dan hadis sebagai panduan. Terdapat sebuah hadis yang menjelaskan bahawa orang yang bertakwa dan memiliki akhlak terpuji termasuk dalam kalangan kelompok yang paling ramai memasuki syurga.

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Orang yang paling ramai dimasukkan ke dalam syurga ialah kalangan yang bertakwa kepada Allah dan memiliki akhlak yang mulia." (Hadis Riwayat at-Tirmidzi)

Marilah kita menjaga akhlak dan keperibadian diri sendiri pada setiap masa sejajar dengan tuntutan Islam. Orang lain sentiasa memerhatikan tingkah laku umat Islam sama ada untuk menjadikan kita sebagai contoh atau boleh jadi mereka ingin mencipta fitnah terhadap Islam kerana masih ada umat Islam yang gagal memiliki akhlak yang baik.

Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik, tiada insan yang lebih baik selain baginda. Doa yang pernah diajarkan oleh baginda berkaitan akhlak mulia bermaksud: "Ya Allah, tunjukkanlah aku akhlak yang paling baik kerana tidak ada yang boleh menunjukkannya melainkan-Mu. Dan jauhkanlah aku daripada akhlak yang buruk kerana tidak ada yang mampu menjauhkannya daripadaku selain daripada-Mu." (Hadis Riwayat Muslim)

Penulis Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Sektor awam perlu berjimat bagi berdepan krisis ekonomi tahun hadapan

Utusan Mela
19/12/2022
mela

SAUDARA PENGARANG.

BANK Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memberi peringatan bahawa ekonomi global berdepan kemelesetan pada tahun depan susulan tindakan bank pusat di seluruh dunia secara serentak menaikkan kadar faedah, selain pencerobohan Russia ke atas Ukraine dan perintah berkurung di China.

Malaysia yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka bakal terjejas pertumbuhannya. Bank Dunia baru-baru ini juga menyemak turunkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) Malaysia bagi 2023 kepada 4.2 peratus daripada 4.5 peratus yang dibuat sebelumnya. Sehubungan ini negara bakal mengharungi ramalan 'ribut ekonomi' pada tahun hadapan.

Dalam menghadapi persekitaran global mencabar, kerajaan dijangka terus menyediakan bantuan serta sokongan yang relevan kepada rakyat dan perniagaan. Ini berteraskan kesejahteraan dan kebajikan rakyat meliputi segenap lapisan masyarakat, khususnya kumpulan B40 dan M40.

Rakyat perlu melaksanakan langkah jimat cermat secara menyeluruh selaras usaha-usaha kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengelak kesenjangan pendapatan antara golongan kaya dan miskin.

Mulai tahun ini, rakyat diminta berjimat

cermat sementara kerajaan mengambil langkah sama dengan menangguhkan komitmen projek-projek mega dikaji semula.

Langkah ini merupakan iltizam serta islah baharu kerajaan agar pentadbiran negara tidak boros berbelanja. Hasil penjimatan akan dipulangkan semula kepada rakyat melalui pelbagai kaedah seperti subsidi bersasar dan beberapa pakej rangsangan yang memanfaatkan golongan terbanyak.

Tiada ubah suai pejabat Perdana Menteri, tiada perolehan kenderaan baharu atau menukar karpet pejabat baharu, mengurangkan bilangan anggota jemaah menteri, potongan 20 peratus gaji menteri termasuk Perdana Menteri sendiri tidak menerima gaji, mesejnya jelas bagi tujuan penjimatan.

Langkah sama perlu diperhalusi untuk diamalkan di sektor awam termasuk penjimatan penggunaan utiliti seperti air, elektrik, kenderaan, bangunan serta aset kerajaan lain dan ia perlu secara konsisten merentasi zaman.

Rakyat miskin dan berpendapatan rendah sedang menderita terkesan peningkatan kos sara hidup, justeru penjawat awam yang tidak terkesan perlu bersama-sama berjimat dan tidak menikmati terlalu banyak keselesaan serta nikmat berbelanja tanpa kepedulian nasib orang lain yang terjejas.

YOSRI ABU MAHSIN
Putrajaya



PENJAWAT awam yang tidak terkesan perlu bersama-sama berjimat dan tidak menikmati terlalu banyak keselesaan serta nikmat berbelanja tanpa kepedulian nasib orang lain yang terjejas.

UPSI bukan kesinambungan SITC, MPSI, IPSI

HM 2/12/22
me h

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini diadakan Majlis Kemuncak Sambutan 100 Tahun Empat Era Universiti Pendidikan Idris (UPSI) di Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, Perak.

Empat era itu merujuk kepada sejarah bermulanya universiti itu sebagai Sultan Idris Training College (SITC) pada 1922, kemudian bertukar kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dan disusuli dengan nama Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) sebelum dikenali sebagai UPSI pada 1997.

Saya adalah seorang peminat sejarah dan cukup bersemangat apabila membaca ramai tokoh nasionalisme adalah lepasan SITC.

Kerana semangat itu, timbul keinginan saya untuk belajar di SITC dan akhirnya menjadi kenyataan setelah diterima masuk sebagai penuntut di MPSI.

Banyak peristiwa suka dan duka berlaku semasa kami belajar di situ. Ketika itu, semua penuntutnya lelaki. Banyak kali berlaku tunjuk perasaan membantah penggunaan tilam dan kelambu yang rosak serta protes terhadap penyediaan makan tidak sempurna.

Bimbang dengan keadaan demonstrasi akan berilang dari semasa ke semasa, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan mencadangkan kemasukan pelajar wanita. Kumpulan pelajar lelaki terakhir ialah pengambilan 1973/1974 dan 1975 bermula kemasukan pelajar wanita.

Awal 1990-an, saya diterima masuk ke IPSI sebagai seorang pensyarah. Sepanjang saya berada di institusi itu, banyak yang berubah. Awalnya pengambilan semua pelajar lelaki Melayu (SITC, MPSI) menjadi pelajar Melayu lelaki dan wanita (MPSI, IPSI) seterusnya menjadi pelajar pelbagai kaum (UPSI).

Perubahan sudah pun berlaku dan kita terpaksa menerima hakikat tersebut. Satu lagi peristiwa menyayat hati saya sebelum

meninggalkan IPSI ialah menyaksikan proses pembakaran buku-buku bernilai sejarah di hadapan bangunan Sekolah Kebangsaan Tanjung Malim (Lama).

Buku-buku tersebut sebelum ini disimpan di Perpustakaan IPSI. Buku-buku lama ini ada yang dicetak di SITC sebelum merdeka seperti tulisan sasterawan, Pendeta Za'ba dan yang pernah digunakan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Ada di antara buku-buku tersebut ditulis dengan tangan.

Pihak UPSI menganggap bahan tersebut tidak perlu dan tidak sesuai digunakan oleh pelajar universiti.

Saya dengan beberapa pensyarah lain dan kakitangan IPSI telah dapat menahan buku-buku tersebut daripada terus dibakar dan menghubungi beberapa sekolah berhampiran untuk mengambil buku-buku tersebut. Baki daripada buku-buku tersebut terus dibakar.

Bagi saya, UPSI bukan boleh dianggap kesinambungan SITC, MPSI dan IPSI. Ini kerana semua peninggalan IPSI tidak mahu diterima oleh UPSI. Semua kerusi dan meja diberi kepada sekolah-sekolah berhampiran termasuk bahan-bahan elektronik seperti komputer dan televisyen.


Yang paling menyedihkan, semua barang di bilik geografi di bawah jagaan saya dikemas dan dibuang termasuk peta lama yang dihasilkan semenjak zaman British.

Saya teringat nama-nama lama dalam peta tersebut seperti B Door (Bidor), Base South (Besout) dan True Luck (Trolak).

Pusat kaji cuaca yang menempatkan pelbagai peralatan kaji cuaca berharga puluhan ribu ringgit dirobohkan begitu sahaja. Bas IPSI diserahkan kepada Bahagian Pendidikan Guru.

Begitulah kenangan suka dan duka saya bersama tiga era MPSI, IPSI dan UPSI.

MKAMAR
Alumni UPSI



BANGUNAN kampus Sultan Idris Training College (SITC) pada 1963. - ARKIB UTUSAN

UMT pergiat tingkatkan usaha pengkomersialan harta intelek

Universiti sasar hasil dapat ditambah kepada RM5 juta menjelang 2027

Oleh Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) giat meningkatkan pengkomersialan harta intelek dengan penghasilan produk inovasi dan teknologi baharu seiring dengan perkembangan semasa menerusi penyelidikan yang berterusan.

Dalam memacu UMT ke arah pengkomersialan harta intelek lebih baik, Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) UMT ditubuhkan bagi menguruskan 600 harta intelek universiti setakat Oktober tahun ini.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata usaha mempergiatkan aktiviti pengkomersialan itu amat perlu bagi membantu universiti dalam menampung kos pengurusan.

Beliau berkata, usaha ini dilakukan sejak UMT ditubuhkan pada 2007 dan secara serius sejak beberapa tahun lalu termasuk paten, cap dagangan, utiliti inovasi, reka cipta industri, hak milik dan rahsia dagangan.

"UMT berjaya mengkomersialkan 30 produk harta intelek dengan hasil pengkomersialan ka-

sar melebihi RM3 juta menerusi pelesenan dan jualan produk bagi 2016 hingga tahun ini.

"Sebagai contoh, pada tahun ini UMT mendapat bayaran royalti bagi produk AedesTech Apps yang dibangunkan penyelidik UMT dan dilesenkan kepada satu syarikat tempatan untuk dikomersialkan bagi manfaat semua.

"Menerusi usaha itu, pihak syarikat berjaya mendapat hasil jualan sebanyak RM677,639 bagi tempoh hampir dua tahun. Produk Bee Ready juga antara produk berjaya dikomersialkan.

"Produk ini adalah sejenis makanan bar kekacang yang dihasilkan melalui gabungan roti lebah kelulut dan kekacang untuk memberi tenaga, terutama kepada ahli sukan," katanya.

Mazlan berkata, produk terbaru dihasilkan penyelidik ialah Aiskrim BetaGac yang menggunakan buah gac mengandungi vitamin C, tinggi kandungan Beta-Karotena serta diformulasikan tanpa menggunakan pewarna tiruan. Produk ini dikomersialkan di dalam kampus UMT.

"Beberapa produk lain juga dalam proses dikembangkan dengan kerjasama pihak industri luar. Malah, pada tahun ini, UMT turut menandatangani banyak perjanjian pelesenan bersama pihak industri. Kita berharap ia berjaya dikomersialkan dan memberi impak baik," katanya.

Produk berpotensi dikomersial

Mazlan berkata, sehingga ini, UMT mempunyai banyak produk berpotensi yang boleh dikomersialkan dengan Tahap Keterseediaan Teknologi (Technology Readiness Level (TRL) dari skala empat hingga lapan.

"Antaranya adalah Tal-Kit (Rapid Endotoxin Detection Kit), Green Aerogel, PKC-Nutri+, ratu lebah (queen bee) dan produk makanan.

"Produk Tal-Kit dihasilkan daripada belangkas dan satu komponennya daripada belangkas boleh digunakan untuk menghasilkan Amoebocyte Lysate (AL) yang berupaya mengesan kehadiran bakteria, walaupun pada



Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (dua dari kanan) diiringi Mazlan (tiga dari kanan) diberi penerangan mengenai produk simulator bot oleh Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, Prof Madya Dr Khairul Anuar Mat Amin.

kuantiti sedikit dan ia mempunyai permintaan tinggi dalam industri farmaseutikal.

"Produk Green Aerogel pula dihasilkan daripada pokok Ceiba Petandra yang banyak terdapat di negara ini dan mampu untuk menyerap pelbagai jenis minyak dengan kadar cepat (kurang lima saat bagi minyak petrol), dan berguna untuk membersihkan tumpahan minyak di laut," katanya.

Selain itu, UMT juga mempunyai produk PKC-Nutri+ yang digunakan untuk meningkatkan penghasilan Artemia bagi kegunaan industri.

Beliau berkata, Artemia sangat diperlukan dalam industri akuakultur dengan permintaan melebihi 5,000 tan setahun bersamaan dengan RM4.5 bilion.

Penyelidik UMT juga berjaya menghasilkan ratu lebah kelulut Heterotrigena itama secara in-vitro atau di dalam makmal.

"Penghasilan ratu lebah kelulut ini dapat membantu penternak kelulut menggantikan koloni dengan kos lebih murah dan seterusnya meningkatkan jumlah hasil madu," katanya.

Mazlan berkata, UMT juga berjaya menghasilkan pelbagai produk makanan seperti kiub bilis, paket kari sardin, snek udang rangup, pes kari, kudapan daripada ikan keli dan beberapa produk lain.

Katanya, produk makanan sangat berguna untuk pengembara

dan ia boleh dijual di pasaran antarabangsa.

"UMT juga mempunyai produk berkaitan penghasilan tenaga baharu (solar, hidrogen, ombak), farmaseutikal dan penghadang angin (protective barrier). Oleh itu, UMT mengalu-alukan pembabit pihak industri untuk menjayakan pengkomersialan ini sama ada dalam dan luar negara.

"Untuk memastikan lebih banyak produk hasil penyelidikan dan harta intelek UMT dapat dikomersialkan, UMT juga akan memperhebatkan usaha untuk mengadakan pitching produk kepada pihak industri dan pemberi dana," katanya.

Pada masa sama, UMT juga akan mengadakan Expo Harta Intelek untuk memberi hebahan dan publisiti berkenaan produk UMT kepada pihak industri dan yang berminat.

Beliau berkata, bagi menarik lebih banyak penyelidik UMT terbahit dalam aktiviti pengkomersialan, universiti itu mengambil inisiatif menyediakan geran dalam universiti untuk aktiviti prapengkomersialan seperti geran ICE Incubator Fund.

"Melalui dana ini, penyelidik diharapkan dapat menghasilkan produk setara dengan produk komersial lain yang berada di pasaran dan boleh dikomersialkan menerusi pelbagai platform seperti secara dalam talian atau

jualan secara terus.

"Selain itu, UMT juga sediakan beberapa kursus perlu diikuti untuk memberikan pendedahan berkenaan perniagaan," katanya.

Aktif jalin kerjasama

Mazlan berkata, dalam memastikan aktiviti pengkomersialan universiti berkembang pesat, UMT juga terus aktif menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu, termasuk dengan semua industri yang berminat dengan produk UMT.

Dalam pada itu, Mazlan berkata, UMT menyasarkan hasil pengkomersialan dapat ditingkatkan kepada RM5 juta menjelang 2027 dan antara inisiatif diambil adalah menerusi penyediaan inkubator yang dikenali sebagai Innovation, Commercialization and Entrepreneurship Hub (ICEHUB).

"Dengan slogan Bridging Commercialisation, Empowering Innovation ICEHUB, UMT menjadi ruang pejabat dan pusat kepada pelbagai aktiviti berkaitan pengkomersialan bagi syarikat start-up UMT.

"Sehingga tahun ini, UMT mempunyai lapan syarikat pemula (Start-up Company) yang menguruskan penyelidik bagi mengkomersialkan produk harta intelek masing-masing iaitu BioNexG Sdn Bhd; Bee Lab Sdn Bhd; VSG Labs Sdn Bhd; Sinavax Sdn Bhd; MALTRA Sdn Bhd; Moment Alpha Sdn Bhd; Honey Melon World Sdn Bhd dan Ocean Hydro Sdn Bhd," katanya.

Mazlan berkata, menerusi syarikat pemula ini universiti berharap ia dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada alumni UMT terutamanya, di samping pendapatan kepada universiti menerusi pelesenan dan bayaran royalti hasil daripada jualan setiap tahun.



Nutraceutical Kit Energy Bar.




PKC-Nutri+, ratu lebah.



Aiskrim BetaGac tinggi antioksidan dan tanpa pewarna.



Produk Tal-Kit dihasilkan daripada belangkas.



BANGUNAN Suluh Budiman dibina pada 1919 dan siap pada 1922 dijadikan Muzium Pendidikan Nasional di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. - IHSAN PEMBACA

4,000 koleksi nadir di UPSI

SAUDARA PENGARANG,

SAYA tertarik dengan artikel dalam ruangan ini bertarikh 8 Disember lalu berjudul *UPSI bukan kesinambungan SITC, MPSI, IPSI* yang ditulis oleh seorang bekas penuntut era Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).

Pendapat beliau yang mengatakan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bukan kesinambungan daripada Sultan Idris Training College (SITC), MPSI dan Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) adalah tidak begitu tepat.

Alasan yang diberi kerana semua peninggalan IPSI seperti kerusi, meja dan bahan sumber media termasuk komputer dan televisyen tidak mahu diterima oleh UPSI lalu diberikan kepada pihak luar.

Saya pernah membuat kajian tentang SITC dan tokoh-tokoh pada eranya hingga ke UPSI. Tidak dinafikan peristiwa 'penghapusan dan pembakaran bahan-bahan rujukan seperti buku-buku lama' berlaku di zaman peralihan di antara IPSI dan UPSI.

Tetapi melalui temu bual saya dengan ramai lepasan SITC/MPSI seperti tokoh pendidikan, Allahyarham Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Awang Had Salleh dan Allahyarham Datuk Abdul Razak Abdul Hamid (Razak Sensei), bukan sepenuhnya peninggalan IPSI itu dihapuskan semua sekali.

Peralatan terlalu uzur dan tidak ekonomik patut dilupuskan kerana ia tidak menguntungkan dan memerlukan ruang yang besar untuk penyimpanan sedangkan ia tidak lagi digunakan.

Mungkin ada buku dibuang atau dibakar jika kandungannya sudah tidak relevan lagi. Bahan yang elok dan boleh digunakan pula masih banyak disimpan seperti buku sejarah lama dan buku nadir.

Ia sesuai dengan kenaikan taraf IPSI menjadi UPSI pada 1987. Universiti memerlukan peralatan moden serta

lengkap untuk terus berkembang dan maju. Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) UPSI masih menyimpan lebih kurang 4,000 koleksi nadir yang berkaitan dengan sejarah, sastera, perguruan dan rekod tokoh-tokoh guru era SITC (1922-1957).

Koleksi nadir ini terdiri daripada bahan-bahan dalam bahasa Inggeris dan Melayu (tulisan Jawi). Buku-buku karangan tokoh terkenal seperti O.T. Dussek (Pengetua SITC), Pendeta Za'ba (penterjemah) dan guru-guru seperti Ahmad Bakhtiar, Abdul Hadi Hasan, Harun Aminurrashid, Buyong Adil, Shaharom Husain dan lain-lain penulis SITC/MPSI masih banyak.

Di samping buku-buku karangan anak kandung SITC, PTB masih menyimpan buku-buku sejarah karangan sarjana Inggeris (1800-1900). Terdapat juga buku-buku teks mengandungi kurikulum pelajaran sekolah-sekolah Melayu di zaman British (1900-1957).

Begitu juga buku-buku yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang SITC (1924-1941), majalah *Chendera Mata* SITC (1923-1941) dan *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS 1800-1926) masih lengkap dan berkeadaan baik.

Terdapat juga buku daftar atau rekod pentadbiran, *Principal's Diary SITC 1922-1950* dan *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College* masih tersimpan dalam keadaan baik di Koleksi Nadir, PTB.

Adalah menjadi kewajaran apabila kita menduduki rumah baharu, barang-barang yang kurang penting serta tidak digunakan lagi kita akan hapus kira.

Tetapi masih ada barang-barang antik yang berguna dan mempunyai nilai tinggi kita masih menyangkanya dan akan disimpan untuk kegunaan generasi akan datang.

DR. RAJA AHMAD SHALABY RAJA HASSAN
Pustakawan Kanan Perpustakaan Tuanku Bainun
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: 1601 GRADUAN UMT DIRAIKAN DALAM MAJLIS KONVOKESYEN
SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 39
TARIKH : 13/12/2022

Hantarkan gambar aktiviti bersama keterangan
ke utusannews@mediamulia.com.my

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 13 DISEMBER 2022

39



Komuniti Kita



1,601 graduan UMT diraikan dalam majlis konvokesyen

SERAMAI 1,601 graduan diraikan dengan penuh istiadat dan gilang gemilang dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Kali Ke-20 yang berlangsung selama empat sesi bermula 11 hingga 12 Disember.

Mereka yang diraikan terdiri daripada 171 graduan pasca siswazah, 1,297 graduan Sarjana Muda dan 133 graduan Diploma. Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah berkenan membuka sidang pertama majlis

konvokesyen di Dewan Sultan Mizan, UMT.

Sultanah Nur Zahirah yang juga Canselor UMT dalam titah ucapannya menzahirkan tahniah kepada semua graduan UMT dan penerima anugerah pada majlis berkenaan.

Baginda turut berkenan menyampaikan skrol dan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Datuk Dr. Annabel Teh Gallop atas kepakaran dan sumbangan beliau dalam bidang ketamadunan Islam, budaya, seni dan warisan

Melayu Asia Tenggara.

■ ANTARA graduan yang diraikan dalam Majlis Konvokesyen Kali Ke-20 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Dewan Sultan Mizan, UMT, Terengganu baru-baru ini.

BH Jumaat, 16 Disember 2022

Nasional

9

Forum Antarabangsa IKIM

Pendidikan tinggi moden gagal terap integriti

Sultan Nazrin titah kemiskinan ekonomi, rohani masih berleluasa

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, bertitah pendidikan tinggi moden gagal menerapkan aspek integriti menyebabkan muncul pemimpin yang terbabat rasuah seterusnya menjejaskan pembangunan negara.

Baginda bertitah, kegagalan itu juga menyebabkan cendekawan dalam pendidikan tinggi tidak mempunyai pencapaian yang cemerlang seperti kejayaan mereka dalam pendidikan akademik

dan ilmu duniawi yang lain.

"Maka muncul pemimpin yang tidak mempunyai ciri-ciri perwatakan yang diperlukan iaitu berintegriti dan berdisiplin. Ini menyumbang kepada rasuah yang berleluasa dan pengaruh negatif lain yang menjejaskan pembangunan negara.

"Ini berbeza dengan dimensi moral pendidikan Islam yang mengutamakan pembinaan sahsiah bagi membantu melahirkan pemimpin yang komited dan membawa kebaikan kepada semua," titahnya sempena pelancaran Forum Antarabangsa Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) - Profesar Diraja Ungku Aziz - Expanding The Frontiers Of Development di sini, semalam.

Pada majlis sama, baginda turut melancarkan buku *Ungku Aziz's Vision Of Development - A Muslim's Experience in the Modern Times* tulisan penyelidik IKIM, Muhammad Syafiq Borhannuddin.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah melancarkan buku *Ungku Aziz's Vision Of Development - A Muslim's Experience in the Modern Times* sempena Forum Antarabangsa IKIM di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Ketua Pengarah IKIM, Prof Madya Dr Mohamed Azam Mohamed (kanan). (Foto BERNAMA)

Sultan Azlan bertitah, pembangunan negara memerlukan kemajuan holistik dalam semua bidang yang melangkaui ekonomi dan infrastruktur.

Pemikir berpandangan jauh

"Kita mesti jelas bahawa pembangunan negara dikaitkan bukan saja kepada berapa banyak wang yang kita ada atau berapa banyak bangunan moden dan lebuh raya yang boleh kita bina.

"Ada banyak negara yang mempunyai bangunan canggih terbaik yang boleh dibeli dengan wang, namun pengangguran dan kemiskinan, dalam erti kata kemiskinan ekonomi dan rohani, masih berleluasa," titahnya.

Baginda bertitah, Ungku Aziz bukan saja ahli ekonomi yang cemerlang dan pembina institusi, malah beliau juga seorang pe-

mikir yang berpandangan jauh dan pemikir pembangunan.

Selain itu, tegas baginda Ungku Aziz mementingkan adab dalam keserjanaan yang menunjukkan beliau mengiktiraf dan mengakui perkara itu adalah konsep penting untuk pendidikan dan kemajuan masyarakat seperti yang tergambar dalam sejarah pemikiran Islam dan tamadun.

"Adab sebagaimana yang disampaikan ulama bermaksud menjadi 'bertamadun,' iaitu meletakkan sesuatu di tempat yang sepatutnya.

"Ia adalah prasyarat untuk keadilan yang perlu ada dalam diri setiap insan dan dunia pada umumnya," titahnya.

Baginda bertitah, sememangnya Ungku Aziz memenuhi adab (keserjanaan) ini seperti yang dapat dilihat dalam tingkah laku

sepanjang hidupnya.

Mengenai intelektual Ungku Aziz, baginda bertitah, walaupun dilatih sebagai seorang ahli ekonomi, Ungku Aziz memupuk pembelajaran berterusan dalam seni dan kemanusiaan sepanjang hayatnya.

Ungku Aziz wajar dirai

"Beliau mempunyai minat yang tinggi, dalam pembangunan bahasa Melayu seperti pantun, kesenian, kesusasteraan, falsafah, dan agama.

"Ungku Aziz wajar diraikan atas sumbangannya kepada umat Islam. Tidak boleh dilupakan bahawa keprihatinan beliau terhadap hal ehwal Islam dan masyarakat Islam melampaui idea menubuhkan Tabung Haji, yang dikagumi di seluruh dunia Islam," titah baginda.